# Rumah awam, tidak wujud 'duit kopi'

MS 5

# Jaguh Olimpik terima insentif

MS 15



PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com




1 – 15 SEPTEMBER, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# MPSP surplus setiap tahun sejak 2008

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – **Lebihan terkumpul Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari 2008 hingga 31 Disember 2015 direkodkan mencecah RM61.5 juta**, kata Yang Dipertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

"Prestasi perbelanjaan MPSP sejak 2008 hingga 2015 adalah sebanyak 96 peratus ke atas.

"**Lebihan terkumpul ini bukan disebabkan kita (MPSP) tak berbelanja, tetapi disebabkan amalan perbelanjaan cermat sebagaimana dirancang**," katanya selepas membentangkan Bajet 2017 di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha MPSP, Sr Rozali Mohamud serta barisan Ahli Majlis lain.

Maimunah memberitahu, **pendapatan MPSP bagi tahun 2015 meningkat RM25.57 juta atau 12.13 peratus menjadi RM236.27 juta, berbanding 2014 (RM210.70 juta)**.

Tambah beliau, jumlah perbelanjaan bagi tahun 2015 adalah RM236.08 juta, berbanding 2014, (RM210.53 juta).

"Setiap tahun sejak 2008, kita (MPSP) mengamalkan belanjawan defisit, tetapi kita (MPSP) bagi tahun 2015, sekali lagi mendapat lebihan (surplus) sebanyak RM0.19 juta," jelasnya.

"Ini bermakna, pada tahun 2017, saya mencadangkan bajet defisit berjumlah RM21.81 juta," ujarnya sambil memberitahu lebihan terkumpul MPSP sehingga 31 Disember 2015 sebanyak RM61,480,833.

Lebihan kewangan MPSP bagi tahun 2008 direkodkan berjumlah RM3,018,289, diikuti RM14,571,138 (2009), RM23,036,071 (2010), RM13,597,658 (2011), RM4,147,069 (2012), RM2,742,543 (2013), RM171,358 (2014) dan RM196,707 (2015).

Terdahulu, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dalam tempoh tahun 2000 hingga 2007, mengalami defisit tiap-tiap tahun, keseluruhannya berjumlah kira-kira RM228.85 juta.

Mengikut tahun, defisit kewangan MPSP bagi tahun 2000 sebanyak RM5.05 juta, diikuti RM31.57 juta (2001), RM36.67 juta (2002), RM39.04 juta (2003), RM48.94 juta (2004), RM57.08 juta (2005), RM5.40 juta (2006) dan RM5.10 juta (2007).

## Surplus / Defisit MPSP Bagi Tahun 2000 - 2015




**Semasa Pentadbiran KN Pakatan Harapan**

**Jumlah Surplus (2008 - 2015)**

| Tahun | Jumlah (RM) |
|---|---|
| 2008 | RM 3,018,289 |
| 2009 | RM 14,571,138 |
| 2010 | RM 23,036,071 |
| 2011 | RM 13,597,658 |
| 2012 | RM 4,147,069 |
| 2013 | RM 2,742,543 |
| 2014 | RM 171,358 |
| 2015 | RM 196,707 |

**Semasa Pentadbiran KN Barisan Nasional**

**Jumlah Defisit (2000 - 2007)**

| Tahun | Jumlah (RM Juta) |
|---|---|
| 2000 | RM 5.05 |
| 2001 | RM 31.57 |
| 2002 | RM 36.67 |
| 2003 | RM 39.04 |
| 2004 | RM 48.94 |
| 2005 | RM 57.08 |
| 2006 | RM 5.40 |
| 2007 | RM 5.10 |

# Bajet 2017, MPSP anggar bayaran GST kepada Pusat RM2 juta

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun 2017 memperuntukkan RM2 juta untuk anggaran pembayaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada Kerajaan Persekutuan.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata demikian ketika membentangkan Bajet 2017 MPSP baru-baru ini.

"GST yang telah kita (MPSP) bayar sekarang (bagi tahun 2015) menjangkau RM1 juta.

"Jadi, bagi (Bajet) 2017, kita (MPSP) sediakan (peruntukan perbelanjaan) RM2 juta," ujarnya lanjut pada sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini.

**Sejak penguatkuasaan GST pada 1 April 2015, kos-kos yang sepatutnya dibayar oleh rakyat ketika berurusan dengan MPSP dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), diserap sepenuhnya oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.**

Ketika itu, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, membantah keras pelaksanaan GST kerana ia menambah kos sara hidup rakyat terbanyak, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan kurang mampu.

Pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi tempoh 1 April hingga 31 Disember 2015 direkodkan berjaya mengutip hasil bersih GST sebanyak RM27.01 bilion.

# Sambutan Merdeka peringkat negeri meriah, penuh patriotik

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PENUH PATRIOTIK...** Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-59 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 31 Ogos lalu berjaya menghimpunkan masyarakat pelbagai bangsa, keturunan dan umur negeri ini.

Bertemakan 'Sehati Sejiwa', umum memenuhi lokasi sambutan di Padang Kota Lama seawal jam 7 pagi. Mencuri tumpuan adalah kepelbagaian seragam yang dikenakan oleh golongan kanak-kanak khususnya, dan warga negeri yang bertandang sebagai mendukung semangat patriotik terhadap negara tercinta.

Selain itu, para pelancong juga tidak melepaskan peluang menyaksikan perarakan kawad pelbagai kontinjen yang mengambil bahagian.

Acara sambutan dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan lafaz ikrar oleh anak muda pelbagai kaum, disusuli dengan laungan Merdeka sebanyak tujuh kali.

Terdahulu, Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff berangkat ke majlis sambutan, diiringi Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng.

Turut hadir, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Datin Teoh Hooi Tuang, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, dif-dif kehormat serta Ketua-ketua Jabatan.

Dianggarkan, sebanyak 6,379 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), sekolah, unit beruniform dan 296 kontinjen kenderaan berarak seiringan, melambangkan perpaduan kukuh di antara rakyat negeri ini.



DR. Abdul Rahman Abbas melakukan pemeriksaan kawalan kehormatan pada sambutan Hari Kemerdekaan Ke-59 Peringkat Negeri Pulau Pinang 31 Ogos lalu di sini.



MASYARAKAT berbilang bangsa tidak melepaskan peluang menyertai kemeriahan sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-59 negara.



SALAH satu kontinjen yang mengambil bahagian dalam acara perarakan.

Oleh : **ME**






SERAGAM yang dikenakan oleh kanak-kanak ini mencuri tumpuan lensa Buletin Mutiara.

# Pusat diseru lindungi Ulu Muda, optimum potensi Sg. Perak sebagai sumber air mentah serantau - Jaseni

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Negeri-negeri di wilayah utara Malaysia perlu memberi fokus kepada jaminan dan kelestarian sumber air mentah jangka panjang serantau, dan bukannya mencari 'keuntungan air' yang tidak berasas.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) dan PBA Holdings Bhd. (PBAHB), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, Pulau Pinang memperoleh air mentah dari Sungai Muda iaitu sungai yang mentakrifkan sempadan antara kedua-dua negeri.

"Kita (Pulau Pinang) menggunakan sumber kita sendiri untuk mendapatkan air dari bahagian sungai sebelah sini, iaitu bahagian hilir daripada 14 muka sauk rawatan air Syarikat Air Darul Aman (SADA) dan satu muka sauk pengairan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Kedah.

"Oleh itu, sejak 1973, Pulau Pinang tidak membayar kepada Kedah untuk air mentah yang kita peroleh dari Sungai Muda setiap hari di dalam keadaan biasa," jelasnya dalam satu kenyataan baru-baru bertarikh 26 Ogos 2016 di sini.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu, dalam enam bulan pertama tahun ini, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak menghadapi musim *Super El Nino* yang agak mencabar sehingga timbul ancaman krisis air secara meluas membabitkan 4 juta penduduk dan kemungkinan kerugian berbilion-bilion ringgit dalam sektor perniagaan.

"Sebagai langkah mengelak catuan di Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) terpaksa melaksanakan pengawalan secara berhati-hati. Sebagai makluman, berlaku insiden catuan di negeri-negeri utara lain.

"Apabila kapasiti efektif Empangan Beris dan Empangan Muda (yang direka untuk melepaskan air ke dalam Sungai Muda ketika musim kering) jatuh ke tahap kritikal, Pulau Pinang terpaksa membuat saranan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menangguhkan pengairan, melaksanakan pembenihan awan besar-besaran dan menguruskan pelepasan harian secara efektif dari empangan ini, di samping menggalakkan rakyat untuk jimat air.

**"*Super El Nino* jelas memberi peringatan kepada kita bahawa apabila rizab empangan jatuh ke paras kritikal, wang tidak boleh membeli rizab air mentah tambahan bagi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara dalam jangka pendek.**

**"Sehingga hari ini (26 Ogos 2016), semua empangan utama di bahagian utara belum pulih sepenuhnya daripada kesan *Super El Nino*. Melihat ke hadapan, kita tidak tahu bila *Super El Nino* akan melanda kita lagi**," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu, sejak Mei 2016, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP telah berulang kali menggesa Majlis Sumber Air Negara (MSAN) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, untuk memberi keutamaan kepada penyelesaian air mentah serantau bagi empat negeri wilayah utara.

Menurut beliau, cadangan yang telah PBAPP dan Kerajaan Negeri bentang dan nyatakan di dalam surat rasmi kepada MSAN sebelum ini termasuk:

1. Pengharaman segera semua aktiviti pembalakan di kawasan tadahan Ulu Muda dan mewartakan kawasan-kawasan ini sebagai kawasan tadahan air dan dilindungi oleh undang-undang.
2. Membayar pampasan kepada Kedah dengan dana Persekutuan untuk melindungi dan memelihara kawasan tadahan Ulu Muda, selepas kawasan-kawasan ini diwartakan.
3. Melaksanakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) dalam tempoh 5-7 tahun, bagi memenuhi permintaan air mentah Perak dan Pulau Pinang sehingga Tahun 2050.
4. Memperuntukkan dana Persekutuan untuk SPRWTS untuk manfaat kedua-dua negeri, berdasarkan perjanjian Inisiatif Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air Negara (NWSRI) pada tahun 2011, yang ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
5. Menggesa Kerajaan Persekutuan untuk memainkan peranan yang lebih proaktif dan aktif dalam melindungi, mengurus dan mengoptimumkan semua sumber air mentah di wilayah utara untuk manfaat bersama Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara, sejajar dengan konsep Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER).
6. Menyediakan pelan pengurusan krisis air bagi Wilayah Utara dengan memanfaatkan semua sumber air mentah yang ada, untuk mengurangkan risiko, ancaman dan kesan negatif musim kemarau berpanjangan pada masa akan datang.



**KAKITANGAN Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menunjukkan tanaman padi dan keadaan sawah di Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara ekoran kejadian *Super El Nino* April lalu.**

Tambah Jaseni, sejak 2008, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah mempromosikan NCER untuk menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia secara keseluruhannya, di samping memastikan pembangunan sosial dan mapan serta pertumbuhan ekonomi.

"Pada tahun 2015, empat negeri NCER menyumbang kira-kira 15.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sebanyak RM1.012 trilion. Pada 13 Ogos 2016, dilaporkan bahawa NCER memperoleh pelaburan sebanyak RM4.47 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2016.

"Air adalah sumber penting untuk kehidupan harian dan pembangunan mampan. Tanpa air mencukupi, NCER tidak boleh maju dalam cara yang mampan.

"Oleh itu, kita perlukan pembiayaan dan tindakan daripada Kerajaan Persekutuan sekarang untuk melindungi kawasan tadahan Ulu Muda dan mengoptimumkan potensi Sungai Perak sebagai sumber air mentah serantau," ujar beliau.

# Rancang bina 600 unit RKR di Ujung Batu, RFP hingga 24 Okt.

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan membina 600 unit rumah kos rendah (RKR) di Ujung Batu dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Dalam.

Justeru, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, proses tender terbuka dilaksanakan sekali lagi mulai 23 Ogos hingga 24 Oktober ini, untuk pemaju yang berminat menghantar proposal penyataan hasrat (RFP) masing-masing.

**"Ini adalah sebahagian daripada cadangan pembangunan PDC untuk membina 26,000 unit rumah kos rendah (RKR), rumah kos sederhana rendah (RKSR) dan rumah mampu milik (RMM) dalam tempoh lima hingga 10 tahun ini.**

**"Ini sekali lagi menangkis tuduhan dan fitnah jahat bahawa Kerajaan Negeri tidak bina rumah kos rendah (RKR) atau rumah mampu milik (RMM) langsung**," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh serta Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan).

Bercakap pada sidang media sama, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar memberitahu, projek pemajuan itu di atas tanah seluas 13.325 ekar, dengan tempoh pajakan 99 tahun diberi oleh Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

Selain membina rumah berkeluasan lantai 650 kaki persegi, jelas beliau, PDC sebagai pengurus projek turut merancang pemajuan kemudahan lain seperti dua gelanggang futsal serta dewan yang memuatkan empat gelanggang badminton, yang akan diselia oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kelak.

Selepas sidang media itu, Guan Eng diiringi Boon Poh menyampaikan sumbangan kepada dua keluarga yang terbabit dalam kejadian rumah terbakar baru-baru ini.

Low Theng Ong yang rumahnya hangus dijilat api dalam kejadian pada 3 Ogos lalu di Jelutong menerima sumbangan RM1,000.

Manakala, Teoh Ai Lean yang sebahagian rumahnya musnah dalam kejadian berasingan pada 20 Ogos lalu di Jalan Datuk Keramat menerima sumbangan RM500.

# Kerjasama kawal penularan denggi, elak kematian – KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PULAU TIKUS** – Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berharap kes kematian akibat demam denggi di negeri ini dapat dibendung.

Katanya, menurut statistik Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), sehingga minggu ke-33 tahun 2016, negeri ini mencatatkan 12 kes kematian.

"Tahun lepas, iaitu sepanjang tahun, kes kematian akibat demam denggi di Pulau Pinang melibatkan 19 mangsa. Oleh itu, saya harap kes-kes seperti ini dapat dihentikan serta-merta.

"**Walaupun keadaan dilihat terkawal, namun, kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu lagi ada kes-kes kematian baru.**

**"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) perlukan kerjasama semua pihak khususnya masyarakat untuk menjaga kebersihan, elakkan takungan air serta laporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mengesyaki mana-mana premis atau tapak yang dipercayai menjadi punca pembiakan nyamuk**," katanya pada sidang media ringkas ketika mengadakan lawatan khas terhadap ahli keluarga mangsa demam denggi di Kondominium Sri Pangkor di sini 23 Ogos lalu.

Pada lawatan tersebut, Guan Eng menyampaikan sumbangan bernilai RM500 kepada abang mangsa, Hew Chong Yong, 63. Adik Chong Yong, mendiang Siew Nyik Chen, 59, meninggal dunia akibat demam denggi pada 15 Ogos lalu.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

Mengulas lanjut, Guan Eng meminta penduduk kawasan Daerah Timur Laut (DTL), daerah Seberang Perai Utara (SPU), daerah Seberang Perai Tengah (SPT) supaya lebih berhati-hati mengenai penularan wabak denggi.



KETUA Menteri sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (depan, dua dari kiri) ketika mendapatkan perangkaan daripada wakil JKNPP baru-baru ini.

"DTL ada empat kes, SPU (tiga), SPT (empat) dan Daerah Barat Daya, DBD (1), jadi kawasan yang disebut diminta agar lebih berhati-hati," serunya.

Mengikut statistik sehingga minggu ke-33 tahun 2016 oleh wakil JKNPP, menunjukkan bahawa Pulau Pinang berada di tangga ketujuh dengan 2,034 laporan kes denggi, di belakang Selangor (37,955 kes), Johor (8,510 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya (6,079 kes), Perak (2,619 kes), Kelantan 2,578 kes) dan Sabah (2,302 kes).

Bagi statistik kematian pula bagi minggu ke-33 tahun 2016, Pulau Pinang berada di kedudukan keenam di belakang Selangor (55 kes), Negeri Sembilan (18), Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya masing-masing (14) dan Johor (13).

# Bina semula rumah mangsa kebakaran, KN ikut SOP - Exco

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri mempunyai Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) yang perlu diikuti berhubung pembinaan semula rumah baharu bagi mangsa-mangsa kebakaran di Gertak Sanggul, Teluk Kumbar yang mana tertakluk kepada 'kebenaran' pemilik tanah berkenaan.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, pembinaan semula rumah baharu bagi mangsa-mangsa kebakaran adalah tertakluk kepada pemilik tanah.



PHEE Boon Poh.

"Kita (Kerajaan Negeri) mempunyai Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) yang perlu diikuti iaitu pemilik tanah tersebut mestilah membenarkan pembinaan semula rumah berkaitan dan pelan perancangan pembinaan diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Sekiranya pemilik tidak membenarkannya, maka Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk keluarga terlibat diberi keutamaan bagi memiliki seunit rumah kos rendah di kawasan berhampiran," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Boon Poh berkata demikian sebagai mengulas kejadian 16 Ogos lalu yang telah memusnahkan lapan rumah termasuk dua kedai runcit serta sebuah kedai kopi, malah dua unit kediaman berhampiran turut mengalami kerosakan akibat terkena percikan api.

# Penarafan parit monsun tertutup luaskan kawasan parkir



RUPA bentuk parit monsun tertutup yang telah siap dinaik taraf.

**BAGAN JERMAL** – Projek penarafan parit monsun tertutup sepanjang 102 meter, 5.5 meter lebar dan 3 meter dalam yang siap dibina berhampiran tapak pemajuan Rumah Berhala Guan Yin Ting Dou Mu Gong Butterworth menelan belanja RM680,000.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, parit monsun tertutup itu akan menambahkan lagi keluasan kawasan parkir untuk Persatuan Tokong dan Bomba Sukarela Raja Uda, kini.

"Jemaah pengurusan persatuan telah membuat permohonan kepada Ketua Menteri dan ini adalah sumbangan daripada peruntukan saya juga untuk rakyat Pulau Pinang," jelasnya.

Exco Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal turut berucap pada acara ringkas sama.

Hadir sama, ADUN Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan A. Thanasekharan (ADUN Bagan Dalam).

Sebelum itu, Hock Seng dalam ucapannya memberitahu, kerja-kerja menaik taraf parit sedia ada bermula pada 15 April lepas dan siap pada 25 Jun lalu.

Selain itu, tambah beliau, projek penarafan lain di sini termasuk pembinaan pagar keluli yang dikongsi oleh bangunan rumah berhala dan kompleks persatuan bomba berkenaan.

# Proses kelulusan rumah awam negeri ketat & teliti, tidak wujud 'duit kopi' – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN – Proses permohonan perumahan awam di Pulau Pinang yang disaring oleh Jawatankuasa Penambahbaikan Proses Pemilihan (SPEC) adalah sangat ketat dan teliti serta tidak wujud sebarang anggapan bahawa proses tersebut membenarkan bayaran deposit jaminan rumah.**

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, anggapan sedemikian adalah tidak berasas dan mesti diperjelaskan supaya para pemohon tahu dan sedar bahawa **proses pemilihan yang dilakukan oleh SPEC dalam menentukan kelayakan permohonan adalah sangat teliti berdasarkan beberapa kriteria.**

Antaranya, jelas Jagdeep, adalah julat pendapatan isi rumah, bilangan anak dan jumlah hartanah yang telah dimiliki pemohon sebelum kelulusan diberikan.

"Maka, dakwaan kononnya wujud elemen rasuah seperti yang didakwa oleh sebuah parti politik dalam satu sidang media pada 29 Ogos



JAGDEEP Singh Deo.

lalu adalah tidak berasas.

"Proses permohonan perumahan awam di negeri ini sangat ketat, sangat teliti sehinggakan tidak timbul soal pembiayaan deposit jaminan atau 'duit kopi' kepada individu tertentu bagi mendapatkan rumah.

"(Dan) Kerajaan Negeri memandang serius dakwaan sedemikian," ujarnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Bagaimanapun, **Jagdeep memberitahu, pihaknya tidak menolak kemungkinan terdapat pihak yang melakukan kegiatan tertentu untuk mengaut keuntungan.**

**"Insiden sedemikian (mengambil deposit jaminan daripada pemohon) pernah berlaku sebelum ini dan kita (Kerajaan Negeri) telah membuat laporan serta menyerahkan segala-galanya kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan lanjut.**

**"Kita (Kerajaan Negeri) tidak akan bertolak-ansur dengan mana-mana individu yang dikenal pasti terlibat dalam kegiatan tidak bermoral itu sehingga menjejas nama baik dan imej Kerajaan Negeri,"** ujarnya yang meminta mana-mana individu atau pemohon yang menjadi mangsa supaya tampil membuat laporan polis.

Jagdeep dalam pada itu turut menasihati orang ramai terutama pemohon perumahan di Pulau Pinang supaya berhati-hati dengan:-

- Individu yang mendakwa bahawa mereka boleh membantu mempercepatkan proses atau memintas proses pemilihan yang dilakukan SPEC.
- Mengaku sebagai pegawai dari Bahagian Perumahan Negeri Pulau Pinang.
- Meminta pembayaran deposit jaminan yang mana adalah tidak wujud sama sekali syarat sedemikian.

"Sekiranya wujud sebarang kekeliruan atau ketidakpastian berhubung permohonan perumahan awam di negeri ini, pemohon boleh terus menghubungi saya atau mana-mana pegawai di pejabat saya," ujarnya yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa SPEC.

Sejak Ogos 2013, SPEC telah menyaring 33,606 permohonan iaitu 17,505 pemohon Jenis A (kos rendah), 5,504 pemohon Jenis B (kos sederhana rendah), 2,112 pemohon Jenis C1 (RM200,000), 6,981 pemohon C2 (RM300,000) dan 1,504 pemohon Jenis C3 (RM400,000).

# Naik taraf Jalan Zoo, projek infrastruktur untuk rakyat

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**AIR ITAM –** Projek Sambungan dan Menaik taraf Jalan Zoo dari Simpang Jalan Ayer Itam ke Jalan Kampung Pisang dekat sini yang menelan kos RM13.65 juta merupakan antara projek infrastruktur untuk rakyat hasil inisiatif Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, **projek yang memakan masa 18 bulan itu bukan sahaja akan mengubah landskap Air Itam dan kawasan sekitar, malah bakal menyuraikan kesesakan lalulintas di kawasan ini.**

Jelas beliau, isipadu aliran lalulintas di Jalan Ayer Itam meningkat mendadak terutama pada waktu-waktu puncak, setiap hari.

"Tanpa pelebaran jalan atau penyediaan laluan alternatif, masalah kesesakan bukan sahaja akan berterusan, tetapi akan bertambah buruk.

"Kerajaan Negeri prihatin terhadap masalah kesesakan lalulintas dihadapi rakyat khususnya penduduk sekitar Air Itam ini, setiap hari.

"Oleh demikian, **demi kemudahan dan keselesaan rakyat dan penduduk sekitar Air Itam, Kerajaan Negeri bersetuju untuk membiayai pelaksanaan projek ini," ucapnya pada majlis pelancaran projek berkaitan di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; barisan Ahli-ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir. Ang Aing Thye serta ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika di Majlis Pelancaran Projek Sambungan dan Menaiktaraf Jalan Zoo dari Simpang Jalan Ayer Itam ke Jalan Kampung Pisang di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, **Guan Eng turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri kini dalam perancangan untuk membina Lebuhraya Ayer Itam By-pass yang menyambungkan Lebuhraya Thean Teik, Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Penang Island Link dari Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah melalui Jalan Paya Terubong ke Jalan Tanjung Tokong.**

"Selain projek Jalan Bukit Kukus, projek Lebuhraya Ayer Itam By-pass ini dijangka akan menyuraikan kesesakan lalulintas di kawasan Air Itam dan Paya Terubong.

"(Dan) **projek ini bakal dimulakan pada akhir tahun ini,"** ujarnya yang juga merupakan ADUN Air Putih.

Asalnya, Jalan Zoo tidak bersambung dan terpisah antara Jalan Ayer Itam dan Jalan Kampung Pisang.

Apabila selesai projek sambungan dan menaik taraf yang dijangka pada Jun 2017, jalan tersebut akan bersambungan dan menghubungkan penduduk di Air Itam, Paya Terubong, Relau dan kawasan selatan pulau.

# PiTTS, inisiatif tingkat tahap guna pengangkutan awam

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN – Selaras dengan misi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tahap kepenggunaan pengangkutan awam kepada 40 peratus menjelang tahun 2030, aplikasi mudah alih *(mobile apps)*, *Penang Intelligent Traffic and Transport System* (PiTTs) telah diperkenalkan di sini baru-baru ini.**

**Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, aplikasi tersebut adalah bagi membantu pengguna merancang perjalanan masing-masing khasnya warga Pulau Pinang dan para pelawat yang mengadakan lawatan ke negeri ini.**

**"Buat masa kini, pelaksanaan fasa pertama PiTTs adalah merangkumi empat komponen utama iaitu, *Where's My Bus*, Aduan Trafik dan Pengangkutan Awam, Navigasi Berbantu serta Berita dan Aturcara.**



CHOW Kon Yeow (kiri sekali) cuba menggunakan aplikasi mudah alih PiTTs sambil diperhatikan K. Vishanthini (kanan sekali) dan beberapa jemputan pada Majlis Pelancaran Aplikasi Pintar 'Mobile Apps' PiTTs di sini baru-baru ini.

"Inisiatif ini adalah sebagaimana yang terkandung dalam pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP)," ujarnya pada Majlis Pelancaran Aplikasi Pintar 'Mobile Apps' PiTTs di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, K. Vishanthini, Pengurus Operasi RapidPenang Sdn. Bhd. (Rapid Penang), Yusri Hushairi dan Pengurus Sommet Technology, Misnun Alias.

Mengulas lanjut mengenai perancangan masa hadapan aplikasi berkaitan, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri mempunyai perancangan dan berhasrat untuk melanjutkan perkhidmatan PiTTs ke kawasan Seberang Perai kelak.

"Sebagai permulaan perkhidmatan, aplikasi ini hanya merangkumi kawasan pulau sahaja.

"Walau bagaimanapun, kita (Kerajaan Negeri) mempunyai perancangan untuk melanjutkan ia ke sana (Seberang Perai), meliputi perkhidmatan bas dan mengintegrasikan semua maklumat ini dengan mod pengangkutan awam lain seperti feri dan teksi.

"Untuk jangka panjang, integrasi turut akan melibatkan sistem LRT, monorel dan trem di dalam pelaksanaan PIP," jelas beliau.

**Aplikasi tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang, *www.pitts.penang.gov.my* atau melalui *Google Playstore* secara percuma.**

# Terima kasih Pekerja 3D - Guan Eng



KETUA Menteri dan beberapa Ahli Majlis MBPP bergambar kenangan dengan sebahagian Pekerja Am 3D pada penganjuran program *FMM-OCBC Heritage Walk & Cycle* di sini baru-baru ini.

**SEMANGAT MERDEKA & SEKALUNG PENGHARGAAN...** Tiada golongan yang dipinggir dan terpinggir di Pulau Pinang.

Sejak tahun 2008 di bawah pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, penghargaan bukan hanya diberikan kepada barisan pentadbiran, malah juga kepada Pekerja-pekerja Am 3D (sukar (*difficult*), bahaya (*dangerous*) dan kotor (*dirty*)) pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Terima kasih kepada mereka (Pekerja Am 3D) kerana usaha mereka telah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat.

"Kerajaan Negeri memandang berat serta menghargai usaha keras mereka (Pekerja Am 3D), bukan macam dulu (kerajaan Barisan Nasional, BN terdahulu), tidak pernah memberi pengiktirafan.

"Kini, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan memberi pengiktirafan kepada mereka kerana melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan cemerlang," ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sambil tidak melepaskan peluang bergambar dengan beberapa kakitangan 3D bersempena penganjuran amal, *FMM-OCBC Heritage Walk & Cycle* yang berlangsung di *Occupy Beach Street*, 28 Ogos lalu di sini.

# Hepatitis, jalani pemeriksaan vaksin jika perlu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Program kesedaran awam mengenai penyakit radang hati atau hepatitis viral perlu dilaksanakan secara berterusan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, signifikan program kesedaran awam bukan sahaja berupaya memupuk kesedaran mendalam terhadap kepentingan penjagaan kesihatan, malah juga memberi maklumat jelas kepada umum berhubung kaedah pencegahan awal penyakit berkaitan serta perawatan perlu.

"Objektifnya jelas, iaitu memberi kesedaran bukan sahaja kepada golongan sasaran, tetapi kepada umum dari segi pengetahuan dan amalan yang harus dilakukan.

"Sejajar itu, program-program kesedaran awam perlu memberi fokus terhadap diagnosis awal, pencegahan dan rawatan penyakit hepatitis," ucapnya pada sambutan Hari Hepatitis Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Pengelola yang juga Naib Presiden Yayasan Hepar Malaysia (MLF), Datuk Dr. Robert Ding Pooi Huat dan Dr. Nor Azleen Zainol Abidin mewakili Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Guan Eng dalam pada itu memaklumkan bahawa di Pulau Pinang, 22 kes baru Hepatitis C dilaporkan pada tahun 2015.

Manakala, jelas beliau, kadar jangkitan berjaya dikurangkan sebanyak 0.3 peratus sejak program vaksin Hepatitis B diperkenalkan di negara ini.

**"Tidak kiralah sama ada Hepatitis A, B, C, D atau E, semuanya merupakan penyakit amat berbahaya dan telah meragut banyak nyawa berbanding malaria, denggi dan HIV sejak sedekad lalu.**

**"Perkara ini harus diberikan perhatian serius, bukan sahaja Jabatan Kesihatan Negeri mahupun MLF, tetapi semua pihak,"** gesanya supaya orang ramai menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala dan jika perlu, divaksinkan.

Hepatitis lazimnya berpunca daripada jangkitan kuman.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 360 juta orang seluruh dunia menghidap Hepatitis B dan Hepatitis C (kira-kira 150 juta), mengakibatkan hampir 1 juta orang meninggal dunia akibat kedua-dua hepatitis ini.

Secara umum, gejala biasa bagi penyakit hepatitis adalah penyakit kuning, hilang selera makan, mudah letih dan sakit otot.

# Projek perumahan, pemaju perlu sedia kemudahan komuniti selaras polisi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PAYA TERUBONG –** Kerajaan Negeri mahu semua pemaju perumahan menyediakan kemudahan untuk komuniti, termasuk pasar awam, dewan komuniti, surau atau masjid dan kawasan hijau di lokasi yang bakal dibangunkan perumahan baharu mengikut piawaian perancangan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, di bahagian pulau, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyediakan garis panduan bagi penyediaan kemudahan komuniti di kawasan pemajuan perumahan baru.

"Garis panduan tersebut antara lain menggariskan beberapa panduan pelaksanaan, piawaian perancangan dan kaedah pengiraan dalam satu-satu pemajuan projek perumahan.

"Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada skala, jenis dan kepadatan penghuni," katanya ketika mengadakan lawatan ke Kompleks Pasar, Makanan dan Pusat Komuniti Pagar Buloh dekat Lilitan Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ketua Pegawai Eksekutif Ideal Property Group (IDEAL), Datuk Alex Ooi, selaku pemaju projek berkaitan.

Menurut Kon Yeow, **pihak pemaju perlu mematuhi dan menepati segala perancangan yang telah ditetapkan Kerajaan Negeri dalam memberi keselesaian kepada rakyat khususnya kawasan perumahan yang mempunyai kepadatan tinggi.**

**"Sekiranya kawasan pemajuan perumahan baharu sudah mempunyai kemudahan-kemudahan seperti masjid atau surau, kompleks makanan dan pasar, maka pemaju perlu menyalurkan dana yang diperuntukkan untuk membina kemudahan komuniti kepada tabung khas pihak berkuasa tempatan.**

"Di bahagian pulau, MBPP bertanggungjawab memantau tabung khas tersebut dan segala dana yang diterima akan digunakan untuk menaiktaraf atau menyelenggara kemudah-kemudahan lain di kawasan tersebut," jelasnya.

Kompleks Pasar, Makanan dan Pusat Komuniti Pagar Buloh dijangka beroperasi awal Oktober ini.

Mempunyai 25 unit gerai makanan, 12 unit gerai barangan kering, 32 unit gerai barangan basah, dewan komuniti dan tiga gelanggang badminton, kompleks yang menelan kos RM8 juta itu turut mempunyai ciri-ciri hijau dan mesra orang kurang upaya (OKU).




CHOW Kon Yeow (kiri sekali) dan Alex Ooi (dua dari kiri) meneliti pelan Kompleks Pasar, Makanan dan Pusat Komuniti Pagar Buloh pada satu sesi lawatan di sini baru-baru ini.




RUPA bentuk Kompleks Pasar, Makanan dan Pusat Komuniti Pagar Buloh yang dijangka siap Oktober ini.



RUPA bentuk dalaman.


BERSATU DAN SETIA

**JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN LOT PERNIAGAAN / PAMERAN PESTA PULAU PINANG 2016**

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai tawaran seperti berikut berikut :

| Bil | No Rujukan | Tajuk | Tawaran dibuka kepada | Tarikh Jualan Borang / Lawatan Tapak | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **JKNPP 7/ 2016** | Cabutan Undi untuk Lot Perniagaan dan Pameran sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2016. | **Bahagian 1** Semua<br>**Bahagian 2:** Peniaga/ Pengusaha Pulau Pinang Sahaja<br>**Bahagian 3** Semua | Tarikh :<br>**19 September sehingga 29 September 2016. (Hari Bekerja Sahaja)**<br>Tempat : **Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang**<br>Jam :<br>**9.00 Pg – 12.00 Tghari 2.45 Ptg – 4.15 Ptg** | Tarikh Cabutan Undi :<br>**11, 12 & 13 Oktober 2016 ( Selasa, Rabu & Khamis )**<br>Jam :<br>**9.00 Pg – 12.00Tghari (Pendaftaran)**<br>**2.00 Ptg – 5.00 Ptg (Cabutan Undi)** |
| 2 | **JKNPP 8/ 2016** | Sebut Harga untuk Lot Perniagaan dan Pameran sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2016. | Semua | | Tarikh Tutup<br>**14 Oktober 2016**<br>Jam :<br>**12.00Tghari** |

1. Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang ingin menyertai tawaran ini hendaklah mendapatkan borang penyertaan di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak di atas. Bayaran **RM 10.00** dikenakan bagi setiap borang penyertaan yang dijual dan **satu borang hanya terhad untuk satu lot sahaja**. **Borang tidak boleh difotostat**.

2. Dokumen **Sebut Harga** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang dipohon di **penjuru sebelah kiri sampul**. Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang** sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di atas.

# Kerajaan Negeri sokong pembangunan sukan - Rashid

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri terus komited dalam membangunkan infrastruktur sukan yang dilihat sebagai salah satu wadah perpaduan dalam komuniti kemasyarakatan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian ketika hadir merasmikan gelanggang futsal di Persiaran Pantai Jerejak 10, yang bernilai RM143,000 baru-baru ini.

Ujarnya, **sukan bukan hanya aktiviti fizikal yang menyihatkan tubuh badan, malah mampu menjadi wadah dalam memupuk perpaduan antara kaum khususnya komuniti di Pantai Jerejak.**

**"Dengan adanya infrastruktur sukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini, komuniti tempatan boleh menggunakannya sama ada melalui penganjuran pertandingan sukan komuniti atau apa jua aktiviti melibatkan penglibatan orang ramai,**

**"Bukan sahaja tubuh badan sihat, bahkan dapat mengenali dan mengeratkan silaturahim antara satu sama lain sekaligus membuktikan Kerajaan Negeri tidak meminggirkan pembangunan sukan di negeri ini,"** ujarnya.



**MOHD. Rashid Hasnon (tengah, bertali leher) sambil diapit Sim Tze Tzin dan Patahiyah Ismail bergambar kenangan di hadapan Gelanggang Futsal Sungai Nibong Pantai pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Mohd. Rashid yang hadir merasmikan Gelanggang Futsal Sungai Nibong Pantai baru-baru ini turut membuat sepakan penalti sebagai gimik perasmian.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; barisan Ahli Majlis MBPP serta ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Nibong Pantai.

Dalam pada itu, Patahiyah ketika ditemui memberitahu, gelanggang yang disediakan tersebut adalah mengikut saiz standard yang ditetapkan oleh Badan Persekutuan Bola Sepak Dunia (FIFA).

"Sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT), MBPP perlu menjalankan tanggungjawab menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang selesa kepada masyarakat sebagai memupuk semangat warga Pulau Pinang, khususnya golongan belia untuk menjalani gaya hidup sihat.

"Justeru, saya harap, gelanggang ini dapat dijaga dengan baik serta elakkan sebarang perbuatan vandalisme yang memberi kesan negatif kepada semua," seru beliau.

Bagi yang berminat untuk menyewa gelanggang tersebut boleh berhubung terus dengan pihak MBPP di talian 04 - 226 2959 atau layari laman sesawang berikut *www.mpbb.gov.my*.




HAKMILIK KEKAL

AVENUE GARDEN

Servis Apartment 17 Tingkat (312 unit)

No. Lesen Pemaju: 11882-6/11-2017/01001(L) Tempoh Sah: 27/11/2015-26/11/2017
No. Permit Iklan & Jualan: 11882-6/11-2017/01001(P) Tempoh Sah: 27/11/2015-26/11/2017
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-75/53 Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap: Mac 2019 Bebanan Tanah: Tiada
Bilangan Unit: 312 Unit Sekatan Kepentingan: Tiada

PALMINGTON SDN BHD (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090
Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera

| | Jenis A | Jenis B | Jenis C |
|---|---|---|---|
| Keluasan Binaan : | 775kp (min) - 775kp (max) | 990kp (min) - 990kp (max) | 990kp (min) - 990kp (max) |
| Harga Jualan : | RM325,000(min) - RM346,000(max) | RM386,000(min) - RM399,000(max) | RM384,000(min) - RM408,000(max) |
| Bilangan Unit : | 116 | 46 | 104 |

| | Jenis AI | Jenis BI | Jenis CI |
|---|---|---|---|
| Keluasan Binaan : | 775kp (min) - 775kp (max) | 990kp (min) - 990kp (max) | 990kp (min) - 990kp (max) |
| Harga Jualan : | RM328,000(min) - RM334,000(max) | RM386,000(min) - RM389,000(max) | RM383,000(min) - RM388,000(max) |
| Bilangan Unit : | 4 | 2 | 4 |

| | Jenis D | Jenis D1 | Jenis E |
|---|---|---|---|
| Keluasan Binaan : | 1,098kp (min) - 1,098kp (max) | 1,098kp (min) - 1,098kp (max) | 1,163kp (min) - 1,163kp (max) |
| Harga Jualan : | RM419,000(min) - RM438,000(max) | RM418,000(min) - RM418,000(max) | RM435,000(min) - RM445,000(max) |
| Bilangan Unit : | 23 | 1 | 12 |

# Industri hias kopi lumayan untuk usahawan muda - TKMI

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**PANTAI JEREJAK –** Seni latte atau seni menghias kopi mampu menjana pulangan lumayan untuk usahawan muda di negeri ini, sekiranya unik serta menambat hati pelanggan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian pada penganjuran *Arabica Estate Asia Latte Championship 2016* di sini baru-baru ini.

“Sekarang banyak juga pemain-pemain industri berkaitan kopi, membuka akademi dan kelas kepada orang ramai untuk mempelajari seni membancuh serta menghias kopi agar kelihatan lebih menarik.

“Justeru, saya harap anak-anak muda yang mungkin masih mencari pekerjaan boleh mencuba untuk mengikuti kursus di mana-mana akademi dan terus memulakan kerjaya sebagai barista berjaya,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Turut serta, Pengarah Urusan Arabica Estate, Cheah Chin Heng.

Dalam pertandingan tersebut, Quek Siew Lhek menggondol tempat pertama dengan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM3,000, trofi, mesin pengisar kopi dan sijil.

Eng Boon Hong yang memenangi tempat kedua membawa pulang hadiah wang tunai sejumlah RM2,000, mesin pembancuh kopi dan sijil.

Manakala di tempat ketiga dimenangi, Sittipong Yongsiri dari Thailand, dengan hadiah wang tunai RM1,500, '*french press*' dan sijil.

*Arabica Estate Asia Latte Championship 2016* mencipta rekod tersendiri apabila berjaya menerima penyertaan dari Thailand, Singapura dan Indonesia.




**MOHD. Rashid Hasnon (berbatik biru) meneliti kreativiti salah seorang barista menghasilkan seni menghias kopi pada penganjuran *Arabica Estate Asia Latte Championship 2016* di sini baru-baru ini.**


# VILLA RAINTREE II

HAKMILIK KEKAL



RUMAH BANDARAN
Keluasan Tanah : 1,884kp (min) -2,939kp (max)
Keluasan Binaan : 1,787kp (min) - 1,884kp (max)
Harga Jualan : RM498,000 (min)
RM643,000 (max)
Bilangan Unit : 104



RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT
Keluasan Tanah : 4,435kp (min) - 6,017kp (max)
Keluasan Binaan : 3,398kp (min) - 3,398kp (max)
Harga Jualan : RM918,000 (min)
RM1,075,000 (max)
Bilangan Unit : 4



RUMAH LINK BERKEMBAR 2 TINGKAT
Keluasan Tanah : 2,153kp (min) - 3,875kp (max)
Keluasan Binaan : 2,548kp (min) -2,548 kp (max)
Harga Jualan : RM718,000(min)
RM891,000 (max)
Bilangan Unit : 68



RUMAH TERES 2 TINGKAT
Keluasan Tanah : 1,324kp (min) - 2,885kp (max)
Keluasan Binaan : 2,156kp (min) - 2,220kp (max)
Harga Jualan : RM608,000 (min)
RM788,000 (max)
Bilangan Unit : 208



RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT ( Jenis A)
Keluasan Tanah : 2,820kp (min) - 4,865kp (max)
Keluasan Binaan : 2,861kp (min) - 2,861kp (max)
Harga Jualan : RM808,000 (min)
RM1,027,000 (max)
Bilangan Unit : 20



RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT ( Jenis B)
Keluasan Tanah : 2,476kp (min) -2,971 kp (max)
Keluasan Binaan : 2,694kp (min) - 2,694kp (max)
Harga Jualan : RM748,000 (min)
: RM863,000 (max)
Bilangan Unit : 22

Pelan Lokasi




**PALMINGTON SDN BHD (892241-W)**
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090
Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera

No. Lesen Pemaju : 11882-5/11-2017/0991(L)
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-5/11-2017/0991(P)
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-75/49
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap :Dec 2018
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : OCBC
Sekatan Kepentingan : Tiada

Tempoh Sah : 26/11/2015 - 25/11/2017
Tempoh Sah : 26/11/2015 - 25/11/2017
Bilangan Unit
Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis (A)- 20 unit
Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis (B)- 22 unit
Rumah Link Berkembar 2 Tingkat- 68 unit
Rumah Sesebuah 2 Tingkat- 4 unit
Rumah Teres 2 Tingkat - 208 Unit
Rumah Bandaran - 104 unit

# ADUN, nelayan rayu LKIM naik taraf jeti Kg. Bagan Buaya

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADUN**

**JAWI** – Agensi persekutuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dirayu menaik taraf jeti nelayan di Kampung Bagan Buaya, yang sehingga kini dipercayai masih belum mempunyai bekalan air dan elektrik.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, pihaknya menerima aduan bahawa masalah malar segar itu dialami nelayan setempat sejak lebih lima tahun lalu.

"Saya gesa LKIM supaya segera menaik taraf jeti di sini, jangan abai lagi kerana ini menyukarkan aktiviti nelayan pantai.

"Saya sendiri akan berbincang dengan Pejabat Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), kalau boleh jalan masuk ke jeti ini diturapkan," jelasnya ketika dihubungi pemberita.

Terdahulu, Lip Chee menyerahkan sumbangan Kerajaan Negeri berupa pukat kepada 23 nelayan pantai berdaftar.

Ketika berucap, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri sejak 2013 menyumbangkan pukat dua kali setahun kerana menghargai sumbangan nelayan pantai dalam membekalkan makanan di negeri ini.



**SOON Lip Chee (tujuh dari kanan) menunjukkan salah satu jenis pukat yang disumbangkan kepada nelayan-nelayan berdaftar pada majlis ringkas Penyerahan Pukat Nelayan dekat Jeti Nelayan Changkat di sini baru-baru ini.**

"Kita terima 29 permohonan, namun, hari ini kita beri 23 pukat dahulu, baki enam lagi kita akan beri kemudian dalam masa terdekat ini.

"Saya berharap, pemberian ini sedikit sebanyak meringankan beban nelayan untuk membeli pukat baharu setiap tahun," ujarnya pada majlis ringkas Penyerahan Pukat Nelayan dekat Jeti Nelayan Changkat, Nibong Tebal, SPS.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat, Hussein Kurban dan Pengerusi Persatuan Nelayan Changkat, Abdul Rahman Ibrahim.

Menurut Lip Chee, satu-satu pukat ketam tiga lapis, pukat udang lipan, pukat udang dan pukat senangin yang disumbangkan pada majlis ringkas tersebut mencecah harga antara RM150 hingga RM200, termasuk Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Pusat sejak 1 April tahun lalu.



# KN sumbang RM3 juta untuk pemajuan Masjid Umar Abdul Aziz

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU MAUNG** – Kerajaan Negeri baru-baru ini menyumbang RM3 juta untuk pemajuan Masjid Umar Abdul Aziz, manakala baki kira-kira RM1.01 juta lagi adalah daripada dana tabung masjid, wakaf serta sumbangan orang ramai.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas yang menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Masjid Umar Abdul Aziz atau nama asalnya adalah Masjid Jamek Batu Maung pada 19 Jun lalu.

Mengulas lanjut, **Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus memperkasakan institusi masjid ke arah agenda memartabatkan umat Islam di negeri ini.**

**"Sebenarnya, sejak berpuluh tahun, anak-anak kariah Batu Maung berhasrat untuk beribadah di masjid baru bagi menggantikan masjid lama yang telah uzur, namun, hasrat mereka telah terbantut, walaupun tiga Perdana Menteri telah berjanji untuk menggantikan semula masjid lama.**

**"Kerajaan Negeri hari ini senantiasa mencari jalan untuk memartabatkan umat dengan menjadikan Islam sebagai rahmat ke seluruh alam.**

**"Kerajaan Negeri komited mahu melihat institusi masjid bukan sahaja perlu tersergam indah dari segi fizikalnya, tetapi ia perlu terkehadapan dari segi pengimarahannya... dengan memperkenalkan kaedah pelantikan jawatankuasa kariah melalui mesyuarat agung, mewujudkan konsep masjid madani dengan menubuhkan 11 buah masjid madani dan mengadakan kaedah penarafan surau dan masjid**," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Hasil daripada usaha Kerajaan Negeri sejak tahun 2008, katanya, Masjid At-Taqwa dekat Taman Bertam Indah baru-baru ini muncul sebagai penerima Anugerah Masjid Malaysia (AMM), pada kedudukan ke-3 masjid terbaik di negara ini.

Tambah Abdul Malik, Masjid Negeri, Masjid Abdullah Fahim dan Masjid At-Taqwa masing-masing turut menerima anugerah Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti (QE) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

"Sebelum ini pun, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM15 juta untuk pembinaan Pusat Pendidikan Islam Al-Itqan di Teluk Kumbar...menyumbang sebidang tanah kepada Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) bagi membina Sekolah Islam Antarabangsa dekat Sungai Ara dan Hospital Islam di tanah wakaf dekat Bayan Baru," jelasnya sambil menyanggah dakwaan pihak pembangkang yang menggambarkan Kerajaan Negeri hari ini anti Islam dan anti Melayu di Pulau Pinang.

14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 586
Peminjam : ZABIDAH BINTI ISMAIL - 67021707****
325 JALAN BUKIT KRISTAL 10,
TAMAN BUKIT KRISTAL
72100 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : ABU OTHMAN BIN AHMAD - 49090107****
NO. 7887 PERMATANG BERANGAN 13300
TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : CHE YAH BT HASHIM - 51122407****
1561 TAMAN KOSKAM, PONGSU SERIBU
13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 596
Peminjam : ONG SENG BEE - 63022207****
33 JALAN WANGSA 1/2,
TAMAN WANGSA PERMAI KEPONG
52200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : TAN YEW HOCK - (MENINGGAL DUNIA)
NO.1, JALAN 62, 52100 KEPONG BARU,
KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : ONG LIAN ENG - 61010607****
NO. 24 JALAN SS 25/27, TAMAN MAYANG,
PETALING JAYA 47301 SELANGOR

No Akaun : 647
Peminjam : NOR AZIAH BINTI SAAD - 68101008****
4-8-D RUMAH PANGSA JAWI III,
TAMAN DESA JAWI, 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : HJ IBRAHIM BIN JAAFAR - (MENINGGAL DUNIA)
3093 KAMPUNG TANAH BARU, JALAN TELOK
IPEL 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : BARIDAH BINTI DIN - (MENINGGAL DUNIA)
881 JALAN SENTOSA, SUNGAI BAKAP
14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 662
Peminjam : GAN AI LAY - 65100307****
27 JALAN ANGGERIK ARANDA 31/33,
KOTA KEMUNING
40460 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : TEOH GUAN HOE - 55100908****
NO. 17 LENGKOK KENARI 1,
SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS
11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : GAN AI GEOK - 59013110****
NO. 17 LENGKOK KENARI 1, DESA RIA,
SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS,
11900 PULAU PINANG

No Akaun : 692
Peminjam : ANUAR BIN YUSOF - 66082807****
NO. 29 JALAN BANGAU SATU,
TAMAN MINAMAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : ADLIN BINTI MASOOD - 61052710****
36 DALAM KOTA ISTANA MAZIAH
20000 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
Penjamin 2 : HAMDAN BIN HAJI HASSAN - 47091006****
NO. 35 JALAN TJ8, TAMAN TEMERLOH JAYA
28000 TEMERLOH, PAHANG

No Akaun : 710
Peminjam : ABBAS BIN SYED MOHAMED - 66011207****
NO. 21 JALAN SEKERAT 10050 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ESA A/L OTHMAN - 47030571****
33-9-1 PANGSAPURI GOLFVIEW, SOLOK BUKIT JAMBUL 1,
11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAHUL HAMID BIN MOHAMED MYDIN - 62031007****
BLOK 1-12-2 FLAT MEDAN TENGKU 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 718
Peminjam : TAN SEONG LEONG - 65090307****
121 JALAN KENARI JAYA 2, TAMAN KENARI JAYA,
SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 1 : NG SIEW CHOO - 64070307****
39 TINGKAT BETEK 2, TAMAN SUNGAI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LOW KI CHOU - 57102507****
NO. 8 JALAN PINANG SATU, TAMAN PINANG,
JURU 14100 BUKIT MERTAJAM

# PERADUAN MELUKIS POSKAD



TEMA **"Tandas Bersih Pulau Pinang Lestari"**

**HADIAH UTAMA**
**Pertama: RM400**
**Kedua: RM200**
**Ketiga: RM100**

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori : 1) Pelajar Sekolah, Kolej & IPT
   2) Terbuka
2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Hanya penyertaan yang meggunakan kertas jenis kad keras 100 gram dan ke atas sahaja diterima.
7. Setiap set penyertaan perlu mempunyai 4 lukisan poskad bertemakan 'Tandas Bersih Pulau Pinang Lestari'.
8. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
9. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
10. Semua karya adalah hak milik penganjur.
11. Tarikh tutup penyertaan, **1 Oktober 2016.**

**Kategori : ..................**

Sila isi butiran berikut:

Nama : ------------------------------------------------

No. Kad Pengenalan: ------------------------------------------------

Alamat: ------------------------------------------------

------------------------------------------------

No. Telefon : (Rumah) ------------------ (Bimbit) : ------------------

Emel: ------------------------------------------------

*Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.*




• KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT
Keluasan Tanah ±1,200 k.p. ke atas
Keluasan Bangunan ±2,100 k.p.
harga dari RM 888,000 ke atas



• RUMAH TERES 2 TINGKAT
Keluasan Tanah ±1,400 k.p. ke atas
Keluasan Bangunan ±1,840 k.p.
harga dari RM 658,000 ke atas



• FACILITIES APARTMENT
Keluasan unit - ±911 k.p. dengan 3 bilik tidur
harga dari RM 348,000 ke atas

Prestige III @BALIK PULAU Penang, Malaysia

PLB Land Sdn. Bhd.
PLB 國雲置地有限公司
A member of PLB ENGINEERING BERHAD
PLB HOMES comfort assured

绿意盎然之城市 CENTRAL PARK CITY




*Rumah Contoh Sedia Dikunjungi*

MASA: 10.00am - 5.00pm
TEMPAT: Tapak Projek Prestige III Balik Pulau

019-218 9775/012-406 1633/019-378 7261/017-423 0799

PLB HOMES comfort assured

04-390 0799
012-406 1633 | 019-218 9775
www.plbhomes.com.my

PLB LAND SDN. BHD.
1320, JALAN BARU, TAMAN CHAI LENG,
13700 PRAI, PENANG, MALAYSIA.
FAX: 604-390 0599

HAKMILIK KEKAL
永久地契
5% diskaun untuk bumiputra

No. Lesen Pemaju Perumahan: 8139-1/06-2016/01820(L) | Tempoh Sah: 08/06/2016-07/06/2017
No. Permit Iklan dan Jualan: 8139-1/06-2017/02021(P) | Tempoh Sah: 08/06/2016-07/06/2017
Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | No. Pelan: MPPP/OSC/PM(911)/10(LB)
Jenis Tanah: Hakmilik Kekal | Bilangan Unit: 962 units | Tahun Jangka Siap: DST - Mac 2017
Apartment - Mac 2018 | Kedai Pejabat - Mac 2018 | 5% diskaun untuk bumiputera

# KN perketat polisi 'Tiada Beg Plastik Percuma'

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SEBERANG PERAI –** Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan (KT) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bakal memperketatkan undang-undang pelaksanaan polisi 'Tiada Beg Plastik Percuma' di negeri ini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh memberitahu, Kerajaan Negeri menerima banyak aduan mengenai 'kelemahan' polisi berkenaan yang mana terdapat pertubuhan-pertubuhan baru yang didapati tidak mengenakan caj bayaran 20 sen bagi setiap beg plastik dipohon pelanggan dan pada masa sama tidak membuat pendaftaran di bawah program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

**"Di bawah pelaksanaan polisi 'Tiada Beg Plastik Percuma' sejak 2009, pusat membeli-belah dan pasar raya tidak dibenarkan untuk memberi beg plastik secara percuma kepada pelanggan.**

**"Sekiranya terdapat pelanggan memohon beg plastik, bayaran 20 sen perlu dikenakan yang mana levi yang dikumpul bakal disalurkan kepada tabung AES yang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri membasmi kemiskinan di Pulau Pinang,"** katanya yang juga Naib Pengerusi Penang Green Council (PGC) pada Majlis Penyampaian Sijil Idola Hijau Pulau Pinang 2016 bersempena penganjuran Karnival Hijau Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen.

Mengulas lanjut, Boon Poh memberitahu, langkah asas untuk mengurangkan jumlah sisa adalah dengan mengurangkan penggunaan beg plastik.

"Jika kita tidak berjaya mengurangkan penggunaan beg plastik, kita tidak akan berjaya dalam mana-mana program pengurangan sisa.

"Beg plastik dan perubahan iklim dikaitkan dalam pelbagai cara, bermula dari sistem perparitan yang tersumbat sehinggalah ketoksikan air laut.

"Marilah kita sama-sama membendung pencemaran dan perubahan iklim dan jadikan Pulau Pinang sebuah bandar mampan dan sesuai untuk didiami," seru beliau.




PHEE Boon Poh (kiri sekali) dan Thing Siew Shuan (kanan sekali) menyarungkan selempang kepada pemenang Idola Hijau Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

# Karnival Car Boot Barter Trade 2016 catat rekod MBOR

**PANTAI JEREJAK –** Karnival Car Boot Barter Trade 2016 yang disertai lebih 500 kenderaan anjuran organisasi keusahawanan muda, *Junior Chamber International United Penang* (JCI) baru-baru ini berjaya mencipta sejarah dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai penyertaan kereta paling banyak bagi acara berkaitan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang hadir merasmikan penganjuran karnival kelapan itu menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang menjayakannya.

Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri akan terus memberikan sokongan terhadap program-program yang mempunyai nilai-nilai positif terhadap alam sekitar dan masyarakat seperti ini.

"Karnival ini mengetengahkan pertukaran barang secara suka sama suka dan sekaligus mampu mengelak budaya pembaziran dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang.

"Secara tidak langsung, ia juga mampu menggalakkan rakyat Pulau Pinang mengamalkan amalan kitar semula sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran kadar kitar semula 40 peratus menjelang tahun 2020 nanti, berbanding sasaran nasional hanya 20 peratus," ujarnya pada penganjuran berkaitan di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin, Presiden JCI United Penang, Andy Lau dan Pengerusi Penganjur Karnival Car Boot Barter Trade 2016, Alvin Poh.

Dalam pada itu, Soon Hin ketika berkongsi pengalaman memberitahu bahawa penganjuran pada tahun pertama iaitu 2008 hanya membabitkan penyertaan 20 kereta sahaja.

"Namun, hari ini, semua titik peluh dan sikap tidak mudah putus asa akhirnya membuahkan hasil," katanya.

*Car Boot Barter Trade* adalah berkonsepkan transaksi tanpa tunai dan segala urusan jual beli dilakukan secara barter iaitu pertukaran barang atas dasar suka sama suka.






SALAH seorang peserta Karnival Car Boot Barter Trade menggunakan motosikalnya sebagai tarikan memprosmosikan barangannya pada penganjuran di sini baru-baru ini.

# *Inflatable Challenge* uji stamina, promosi gaya hidup sihat – Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SUNGAI PINANG** – *Malaysia Inflatable Challenge* (MIC) sepanjang 150 meter yang dibuka dekat Persiaran Karpal Singh diiktiraf sebagai taman permainan berhalangan berasaskan belon udara terpanjang negara dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR).

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berharap, pemasangan permainan popular itu akan menggalakkan lagi gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat di negeri ini.

"Permainan ini nampak mudah, namun sangat mencabar stamina anda.

"Ianya amat sesuai untuk riadah keluarga, jadi saya amat mengalu-alukan penggiat aktiviti seperti ini untuk hadir ke Pulau Pinang," ujarnya yang mengambil peluang menganjurkan pertandingan persahabatan antara barisan kepimpinan negeri dan pihak media massa di sini baru-baru ini.

Antara barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang mengambil bahagian ialah Chong Eng sendiri, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) Seberang Jaya; Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang) dan Teh Lai Heng (ADUN Komtar).

Pertandingan itu menyaksikan pasukan Siew Khim mendapat tempat pertama, diikuti pasukan Lai Heng, (pasukan) Afif dan (pasukan) Chong Eng.

Difahamkan, Pulau Pinang merupakan lokasi zon utara yang pertama menerima kehadiran MIC, serta ketujuh negara.



**CHONG Eng (lima dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para peserta lain selepas berjaya menamatkan cabaran MIC di sini baru-baru ini.**

## Aktiviti mendaki mampu promosi Bukit Bendera



**KETUA Menteri dan Zairil Khir Johari (tengah) bergambar kenangan dengan para peserta *Penang Hill Heritage Forest Challenge 2016* di sini baru-baru ini.**

**LOKASI EKO-PELANCONGAN NEGERI...** Jumlah pengunjung ke pusat peranginan terkenal negeri, Bukit Bendera pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 2016 mencatatkan 339,683 orang berbanding tempoh sama tahun lalu, 212,100 (orang), iaitu peningkatan sebanyak 60 peratus.

Perangkaan tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada penganjuran cabaran mendaki tahunan, *Penang Hill Heritage Forest Challenge 2016* anjuran Perbadanan Bukit Bendera (PHC) bersama-sama *Penang Amateur Athletic Association* dan Persatuan Penduduk-Penduduk Bukit Bendera baru-baru ini.

Menurut beliau, Penang *Hill Heritage Forest Challenge 2016* disertai 550 peserta membuktikan bahawa sukan lasak tersebut berpotensi dimajukan sebagai aktiviti tarikan pelancong, sama ada pelancong tempatan mahupun luar negara.

"Penganjuran cabaran mendaki seperti ini perlu diadakan lebih kerap bagi menarik kunjungan lebih ramai pelancong ke Bukit Bendera dan pada masa sama, menggalakkan orang ramai untuk menjadikan aktiviti mendaki sebagai pilihan untuk berekreasi pada setiap hujung minggu," katanya di sini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Pemangku Pengurus Besar PHC, Dato' Ng Wee Kok, wakil-wakil Persatuan penduduk-penduduk Bukit Bendera serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Bendera.



**AKSI sebahagian kakitangan awam yang mengambil bahagian dalam Sesi Jom Zumba@Komtar di sini baru-baru ini.**

## Bersenam kurang tekanan kerja - Exco

**GEORGE TOWN** – Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng menyeru semua penjawat awam di negeri ini supaya mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.

Chong Eng yang ditemui pada Majlis Pelancaran Sesi Jom Zumba@Komtar baru-baru ini memberitahu bahawa Kerajaan Negeri amat menggalakkan rakyatnya bersenam.

"Begitu juga penjawat awam yang bekerja seharian, melalui senaman, segala tekanan kerja dapat dikurangkan.

"Sihat bukan bererti kita bebas penyakit, tetapi kita mampu menangani tekanan, dan senaman merupakan salah satu cara menghilangkannya," katanya yang turut meluangkan masa selama 30 minit untuk berzumba bersama-sama 50 penjawat awam di ruang Konkos Tingkat 3, Komtar di sini.

Menurut Chong Eng, ruangan di Tingkat 3 disediakan secara percuma oleh pihak pengurusan Komtar, PDC Setia Urus Sdn. Bhd. (PDCSU).

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) dengan kerjasama Zin Mary (tenaga pengajar zumba) mengambil inisiatif mengadakan sesi zumba selama satu jam pada setiap hari Selasa bermula 5.30 petang.

"Cuma hari ini, kurang penyertaan golongan lelaki, saya berharap minggu hadapan lebih ramai penjawat awam lelaki menyertai zumba ini," ujar beliau.

Sebanyak RM5 dikenakan bagi setiap sesi.

Ayuh, jom kita berzumba..!

# Pinat, bukti wanita mampu berjaya dalam bidang ternakan



NOOR Shafinaz Ismail atau 'Pinat' menunjukkan ayam piru peliharaannya.



ANAK- anak ayam piru yang baru beberapa hari menetas.

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**DARI** suri rumah sepenuh masa dan mengambil upah sebagai pengasuh bagi mengisi masa terluang, Noor Shafinaz Ismail, 31, kini bukan calang-calang usahawan.

Kali pertama penulis bertemu dengannya adalah ketika beliau hadir pada Majlis Penyampaian Pinjaman (mikro kredit) Skim Usahawan Tani Kerajaan Negeri yang disempurnakan Ketua Menteri bersama-sama Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Bidang diceburi beliau yang menarik minat penulis untuk mengatur sesi temubual ini. Ini kerana, sepanjang mengendalikan ruangan Jalan-jalan Buletin Mutiara, penulis masih belum berpeluang bertemu pengusaha ayam piru daripada kaum Hawa.

**Wanita perlu ada pendapatan sampingan**

Berbeza dengan usahawan-usahawan lain, walaupun kecil molek, lemah lembut orangnya, Noor Shafinaz atau lebih dikenali dengan panggilan 'Pinat' menggalakkan golongan wanita menceburi bidang perusahaan berkaitan.

"Wanita perlu ada pendapatan sampingan. Adalah digalakkan untuk ceburi bidang ini. Nampak macam kasar, tapi kita (wanita) boleh buat.

"Kerja kasar dan serabut masa nak bagi makan ayam-ayam (piru) saja. Kerja berat pula masa nak ambil dedak, satu beg dedak, 50 kilogram (kg).

"Bagi saya, memang wanita patut ceburi bidang ternakan. Buktikan pada golongan lelaki yang wanita juga boleh buat," katanya sambil membawa Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara melawat reban ternakan yang terletak di bahagian belakang kediaman beliau di Kampung Permatang Manggis, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU).

**Sejarah penglibatan**

Kira-kira lima tahun dalam bidang berkaitan, Pinat yang mendapat sokongan penuh suaminya, Kamarul Adanan, 32, merupakan pembekal daging ayam piru meliputi pasaran seluruh negara kini.

Ketika ditanya mengenai pengalaman awal dalam bidang berkaitan, Pinat memberitahu bahawa ia bermula dengan perasaan minat dan 'suka-suka'.

"Kami beli 100 anak ayam piru dengan harga RM10 seekor daripada geng-geng penternak sekitar Tasek Gelugor. Daripada jumlah itu, 30 ekor mati sebab alah gigitan nyamuk dan terdedah dengan cuaca sejuk sangat serta terlampau panas.

"Masa nampak anak-anak ayam mati tu sedih jugak sebab sebelum tuh nampak semua sihat-sihat *sajer.*

"Dari segi pemakanan, rumit juga! Saya terpaksa belajar buat adunan daripada kawan-kawan termasuk melayari laman *Facebook* dan tips-tips oleh Persatuan Ayam Belanda Malaysia.

"Bagaimanapun, saya tidak putus asas sebab memang minat dan tahu ada permintaan serta pasaran," ujarnya.

Menurut Pinat, selain karenah pelanggan, cabaran utama dalam bidang berkaitan adalah peningkatan harga dedak dan permintaan pasaran yang kadang-kala tidak sekata.

"Sabar dan buat yang terbaik!

"Masa muda nilah nak berhempas-pulas," jelasnya sambil menyatakan bahawa kini beliau menumpukan kepada aspek penetasan dan pembekalan anak ayam piru.

**Skim Usahawan Tani**

Sebelum mengakhiri sesi temubual berkaitan, Pinat memberitahu bahawa Skim Usahawan Tani hasil inisiatif Kerajaan Negeri merupakan program yang memberi banyak faedah kepada usahawan-usahawan kecil seperti beliau.

"Saya isi borang dan kurang daripada tempoh setahun, permohonan saya diluluskan.

"Duit ni saya simpan dalam bank untuk *rolling* modal sedia ada. Bayaran balik adalah tanpa bunga dan mudah apabila ada pegawai bertugas yang datang kutip.

"Ia patut diteruskan terutamanya bagi membantu penternak-penternak macam saya," kata beliau sambil menganggap ayam-ayam piru peliharaannya sebagai 'anaknya' sendiri.



SEBAHAGIAN ayam piru yang diternak.

**INFO:**
**No. Tel. : 013 – 480 8991 atau 013 – 470 8991**
**FB : *shafinazismail (pinat)***

# Sedia Mendengar, ADUN Sg. Pinang peka keluhan rakyat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SIKAP** sedia mendengar menjadi tunjang serta prinsip Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim untuk saling berkomunikasi dengan semua pihak tanpa mengira kaum, kepercayaan hatta fahaman politik kepartian.

Penduduk Pangsapuri Mutiara Idaman, **LOKMAN MOHAMED ISA,** 55, menyatakan sokongan kepada Siew Khim, yang baru sepenggal sejak tahun 2013 menjadi wakil rakyat di sini.

**"Walaupun saya merupakan bekas Ketua Pemuda UMNO di sini, namun, apa yang kita nilaikan sebenarnya adalah prestasi memberi perkhidmatan kepada rakyat.**

**"Saya berharap dia dapat jadi calon untuk pilihanraya seterusnya, dan saya melahirkan keyakinan, penduduk Sungai Pinang pasti sekali lagi akan memilih beliau," jelas Lokman.**

Beliau berkata demikian pada program lawatan kerja Sedia Mendengar Lim Siew Khim Bersama-sama Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengerusi Perbadanan Pengurusan (MC) Medan Tengku, Abdul Rahman Abdullah.



LOKMAN Mohamed Isa.

Mereka melawat Flat-flat Medan Tengku, Mutiara Idaman 1 dan 2, *Mutiara Heights*, Taman Serina, *Serina Bay* dan Mutiara Vista.

"Antara yang sudah dibaik pulih adalah panel pengendali lif, baik pulih pam air, baiki 11 unit tangki air yang bocor di Medan Tengku 3, Medan Tengku 1 dan Mutiara Idaman 1.

"Kesemua kerja-kerja penyelenggaraan tersebut melibatkan dana sebanyak RM29,850," ujar Siew Khim.

**Abdul Rahman pada sidang media sama turut mengakui bahawa infrastruktur kawasan perumahan setempat kian baik, susulan kerja-kerja penyelenggaraan dan projek penarafan dilakukan oleh Kerajaan Negeri.**



LIM Siew Khim (duduk, dua dari kiri) beramah-mesra dengan Nur Amalina Roslan (tiga dari kanan) sambil ditemani Chow Kon Yeow (duduk, kiri sekali) di kediamannya di Pangsapuri Mutiara Idaman di sini.



ABDUL Rahman Abdullah

**NAIK TARAF PARIT MONSUN**

Selepas itu, mereka turut melawat projek naik taraf parit monsun Lorong Perak serta meninjau aduan beberapa gerai haram dipercayai milik warga asing.

Pun begitu, Siew Khim melahirkan rasa kesal atas penangguhan projek tebatan banjir, sungguhpun Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2.34 juta untuk menaik taraf Longkang Monsun dekat Lorong Perak.

"Antara faktor utama adalah pengalihan beberapa kabel utiliti bawah tanah, projek tersebut yang dimulakan pada 2 November 2015 sepatutnya siap pada Mei 2016, namun EOT (pelanjutan masa) pertama juga sudah tamat pada Julai lalu.

"Kini, projek masih gagal disiapkan dan kontraktor bertanggungjawab perlu membayar LAD (ganti rugi tunai) sebanyak RM753 bagi setiap hari terlewat hingga projek selesai," ujarnya.

Siew Khim memberitahu, penukaran gelung dan bebendul yang lebih luas dalam projek penarafan itu mampu menampung takungan air hujan pada kadar luar biasa, ketika hujan.

"Selain itu, kita harap naik taraf ini mampu menampung kadar air yang tinggi jika pada masa yang sama, air laut turut pasang besar," jelasnya lagi sambil memberitahu bahawa projek tersebut diselia oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

**PEMBEDAHAN JANTUNG**

Dalam perkembangan lain, Siew Khim, Kon Yeow serta beberapa pemimpin Kerajaan Negeri lain turut melawat adik Nur Amalina Roslan, 6, yang baru pulang menjalani pembedahan jantung berlubang di Bangalore, India.

Bapa Nur Amalina, Roslan Hussain, ketika ditemui merakamkan penghargaan kepada Siew Khim atas sumbangan dana RM2,000 sebagai 'bekalan' keperluan perbelanjaan ke India baru-baru ini.

"Saya berangkat pada 27 Julai lalu dan baru pulang pada 15 Ogos lalu, untuk menjalankan pembedahan jantung anak saya di sana.

"Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB (Siew Khim) yang mengambil berat terhadap anak saya," ujarnya yang juga seorang tukang paip.

Sesi lawatan Sedia Mendengar menyaksikan Siew Khim dan Kon Yeow melibatkan satu tempoh lawatan yang panjang iaitu bermula dari 9 pagi hingga 4 petang untuk mendengar keluhan rakyat sendiri berhubung isu-isu setempat.




DELEGASI lawatan kerja Chow Kon Yeow bersama Lim Siew Khim ke DUN Sungai Pinang baru-baru ini.

# Bayar caj senggara premis strata ikut jadual, seru MPSP

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MPSP**

**SEBERANG JAYA –** Semua penduduk rumah kos rendah (RKR) dan sederhana rendah (KSR) berwajib digesa membayar caj penyelenggaraan premis kediaman berstrata mengikut jadual.

Setiausaha Majlis bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud berkata, **Perbadanan Pengurusan (MC) atau Badan Pengurusan Bersama (JMB) tidak dapat melaksanakan operasi penyenggaraan berwajib bagi satu-satu premis strata, sekiranya penduduk gagal membayar caj penyelenggaraan berwajib tersebut.**

**"Kehidupan di bangunan berstrata melibatkan satu perkongsian dalam jumlah dan jurang profil yang berbeza mengikut jantina, agama, kaum, pekerjaan dan sebagainya.**

**"Setiap penghuni berkongsi kemudahan yang sama seperti tangki air, lif, tangga, lampu, koridor, taman permainan, paip pembentungan dan lain-lain.**

**"Jadi, hubungan antara pemilik adalah bersifat simbiotik (saling memerlukan) yang mana pembeli akan bergantung kepada penyelesaian kolektif sesama pemilik lain,"** ujarnya pada Seminar Pemahaman Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Menurut Rozali, MPSP akan menggandakan kempen kesedaran, selari dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) di seluruh negara pada 1 Jun lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis bagi MPSP, Ketua Seksyen Tuntutan & Perundangan Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), K. Roshan serta wakil-wakil JMB dan MC sekitar Seberang Perai.

Pengerusi MC Apartment Seri Emas, Ho Yew Kuan yang ditemui kemudian memberitahu, kempen kesedaran anjuran MPSP itu diharap akan terus mendorong penghuni di kawasannya untuk melaksanakan tanggungjawab bersama, dengan membayar caj penyelenggaraan mengikut jadual.

"Saya berharap dengan adanya seminar seperti ini, dapat memberi kefahaman dan pendidikan yang jelas tentang ilmu pentadbiran serta pengurusan perumahan berstrata kepada semua golongan sasaran komuniti di bawah pentadbiran MPSP," jelasnya.

Yew Kuan memberitahu, pihaknya berjaya mencapai 100 peratus kutipan caj penyelenggaraan.

Terdahulu, Akta Pengurusan Strata 2013 mula dikuatkuasakan kemudian pada 12 Jun lalu, selepas mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri ini.

Ketika itu, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menjelaskan akta baru itu diperkenalkan bagi menggantikan Akta 663 atau Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007.

Difahamkan, akta baru itu, bakal membolehkan kedua-dua tuan tanah serta penyewa untuk dibawa ke mahkamah, berbanding akta lama yang membenarkan tindakan ke atas tuan tanah.



**SR. Rozali Mohamud (tengah) menyampaikan cenderahati kepada K. Roshan (kanan) yang bertindak sebagai panel pada penganjuran TPPS di sini baru-baru ini.**

## MBPP rangkul Anugerah Pengurusan Kewangan Kebangsaan 2015

**TAHNIAH...** Buat julung kali, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berjaya merangkul Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015.

Pemilihan sebagai pemenang diumumkan pada Majlis Sambutan Hari Audit 1Malaysia 2016 yang berlangsung pada 22 Ogos lalu di Melaka dengan bertemakan 'Peranan Juruaudit Dalam Menjayakan Matlamat Pembangunan Kelestarian Negara'.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, MBPP telah berjaya mencapai tahap cemerlang bertaraf lima bintang dalam pengurusan kewangan tahun lalu.

"Syabas kepada semua!" ujarnya sambil menyatakan bahawa pihaknya telah menerima Sijil Kecemerlangan Pengurusan Kewangan ekoran pengiktirafan berkenaan.

## Iklan haram, MBPP ambil tindakan drastik

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil tindakan drastik bagi menurunkan iklan-iklan haram yang dikesan di sini.

Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong berkata, inisiatif yang kini turut dijadikan sebagai rutin harian pihak berkuasa tempatan (PBT) itu turut memperlihatkan jalinan kerjasama dengan beberapa agensi penguatkuasaan.

"Antaranya, Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Persatuan Perkhidmatan Hartanah, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan lain-lain," katanya selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP ketika Ucapan Penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu, mengikut rekod, jumlah iklan haram (tidak termasuk iklan pinjaman wang haram) yang diturunkan MBPP adalah sebanyak 38,599 keping pada tahun 2015 dan bagi tempoh Januari hingga Julai 2016 (17, 569).

"Tindakan yang dijalankan ke atas iklan wang haram adalah sejumlah 91,991 keping pada tahun 2015, Januari hingga Julai 2016 (74,169)," ujarnya.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu, bagi MBPP, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pelesenan MBPP bertindak mengawal aktiviti dan menguatkuasakan pengiklanan melalui Undang-undang Kecil (Iklan) MBPP 2000.

"Berdasarkan amalan dan praktik berkenaan, adalah sukar bagi kakitangan Majlis membanteras aktiviti iklan haram ini.

"Justeru, adalah wajar satu semakan atau pindaan ke atas kesalahan aktiviti iklan haram dapat dibuat supaya memudahkan langkah penguatkuasaan diambil meliputi pelbagai aspek," jelas beliau.



**ONG Ah Teong.**

# MoU PBT, IEM pelengkap kerjasama libat sokongan kejuruteraan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan), Ir. Tan Yean Chin (tiga dari kiri), Patahiyah Ismail (dua dari kiri) dan Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kanan) menunjukkan dokumen-dokumen perjanjian yang telah dimeterai antara kedua-dua pihak di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri, iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama-sama Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM) sebagai melengkapkan jalinan kerjasama kedua-dua entiti berkaitan dalam bidang kejuruteraan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, **kerjasama antara kedua-dua PBT dan IEM adalah melibatkan sokongan kejuruteraan, khidmat nasihat profesional, pembangunan personel, perundingan dan keselamatan dalam bidang berkenaan.**

**"MoU ini juga seterusnya dapat menggalakkan kesedaran awam tentang aspek kejuruteraan dan sekaligus menambahkan pengetahuan tentang peraturan-peraturan keselamatan yang berkaitan kejuruteraan**," ucapnya pada Majlis Menandatangani MoU antara PBT dengan IEM di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail; Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif; Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir. Ang Aing Thye; Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud serta wakil-wakil jabatan daripada kedua-dua PBT tersebut.

Pada majlis berkaitan, IEM diwakili Presidennya, Ir. Tan Yean Chin, manakala MBPP, Patahiyah dan MPSP, Maimunah serta disaksikan oleh Kon Yeow.

Mengulas lanjut, **Kon Yeow percaya bahawa jalinan kerjasama yang aktif antara kedua-dua entiti terlibat mampu menjadikan pembangunan sosio-ekonomi Pulau Pinang lebih mampan dan berdaya saing.**

**Pada masa sama, menurutnya, kerjasama itu juga akan menggerakkan pelaksanaan beberapa projek dan program untuk rakyat yang dicadangkan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi negeri berwajib.**

**"Saya berharap Kerajaan Negeri dan PBT dapat bergerak seiringan dengan IEM khususnya dalam memberi kefahaman dan kesedaran awam berhubung sesuatu projek, mahupun program untuk rakyat seperti pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang dan lain-lain projek pada masa hadapan**," ujar beliau.

Dalam pada itu, Yean Chin memberitahu, pihaknya akan berusaha membantu Kerajaan Negeri dan PBT terutama berhubung perkara-perkara berkaitan kejuruteraan serta khidmat nasihat profesional.

"Seperti disebut Datuk Bandar dan Yang di-Pertua MPSP, MoU ini merupakan pelengkap terhadap usaha dan jalinan kerjasama yang telah lama dijalinkan sebelum ini," jelasnya.

IEM merupakan badan profesional dan organisasi masyarakat sivil yang ditubuhkan pada 1959 untuk mempromosikan aspek sains dan profesion kejuruteraan serta memudahkan pertukaran informasi serta idea-idea berkaitan kejuruteraan.

Sehingga kini, IEM mempunyai keahlian seramai 41,000 dan merupakan salah satu organisasi profesional terbesar di Malaysia.

## Bajet 2017, MPSP anggar hasil meningkat 5.11%



KEADAAN ketika berlangsungnya pembentangan Bajet 2017 MPSP di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** – Peruntukan pembangunan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam Bajet 2017 dikurangkan menjadi RM6.60 juta, berbanding RM9.25 juta yang diumumkan dalam belanjawan tahunan sebelum itu.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, pengurangan sebanyak RM2.65 juta atau 28.62 peratus itu bukanlah bermakna MPSP tidak memberi penekanan terhadap aspek pembangunan di ketiga-tiga daerah Seberang Perai.

"Penurunan ini disebabkan projek pembangunan bagi tahun 2017 akan menggunapakai Kumpulan Sumbangan Wang yang berjumlah RM10.78 juta.

"Ini menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM17.38 juta," ujarnya selepas membentangkan Bajet 2017 di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Majlis bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta barisan Ahli Majlis lain.

Menurut Maimunah, anggaran perbelanjaan dan pendapatan yang dicadangkan dalam Bajet 2017 MPSP masing-masing sebanyak RM279,130,208 dan RM257,316,367, dengan RM21,813,841 jumlah anggaran defisit.

"Difahamkan, Cukai Taksiran merupakan penyumbang utama sejumlah RM178.85 juta atau 69 peratus daripada anggaran hasil pendapatan keseluruhan MPSP bagi tahun 2017, diikuti, Hasil Bukan Cukai (RM69.37 juta atau 27 peratus) dan Terimaan Bukan Hasil (RM9.1 juta atau 4 peratus).

"Manakala, Peruntukan Mengurus sebanyak RM266.62 juta pula merupakan 95.52 peratus daripada anggaran perbelanjaan keseluruhan MPSP bagi tahun 2017, diikuti, Peruntukan Pembangunan (RM6.60 juta atau 2.36 peratus) dan Peruntukan Harta Modal (RM5.91 juta atau 2.12 peratus)," jelasnya.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, dianggarkan dalam Bajet 2017, MPSP bakal memperoleh hasil sebanyak RM257.32 juta berbanding RM244.81 juta dalam tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 5.11 peratus.

"Secara keseluruhan, terdapat peningkatan peruntukan (anggaran perbelanjaan) sebanyak 5.29 peratus atau RM14.03 juta dalam Bajet 2017 berbanding dengan bajet pada tahun 2016, iaitu sebanyak RM265.10 juta.

"Peruntukan Mengurus meningkat sebanyak 5.98 peratus atau RM15.05 juta dalam Bajet 2017 berbanding dengan RM251.56 juta yang diperuntukkan dalam Bajet 2016.

"Perbelanjaan Mengurus merangkumi perbelanjaan emolumen kakitangan sebanyak RM86.24 juta, perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM162.32 juta, pemberian dan kenaan bayaran tetap sebanyak RM8.33 juta dan perbelanjaan-perbelanjaan lain sebanyak RM9.72 juta.

"Perbelanjaan Mengurus meningkat pada tahun 2017 antara lain disebabkan kenaikan kos emolumen termasuk kenaikan gaji tahunan kakitangan, kenaikan kos bekalan dan utiliti serta bekalan pakaian seragam bagi tambahan pekerja am, dan bayaran cukai barangan dan perkhidmatan (GST) sebanyak RM2 juta," ujar beliau.

# Perkongsian 80:20 ganti lif, penduduk tarik nafas lega

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **G. REVATIC**

**SERI DELIMA –** Lebih 700 penghuni Blok H, *Greenlane Heights* di sini menarik nafas lega apabila lif yang kerap kali rosak telah diganti baharu baru-baru ini.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, jumlah keseluruhan bagi menggantikan tiga lif di blok berkaitan adalah RM340,000.

"Kerajaan Negeri meluluskan sumbangan dana berjumlah RM272,000 iaitu pembiayaan 80 peratus daripada kos keseluruhan.

"Baki 20 peratus lagi atau RM68,000 adalah daripada Badan Pengurusan Bersama (JMB) *Greenlane Heights* dan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer," katanya yang hadir merasmikan pembukaan lif baharu berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, R.S.N. Rayer; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal Singh dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), D. R. Kala.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, perkongsian 80:20 yang membolehkan rakyat merasai keselesaan berkaitan adalah hasil inisiatif Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, **Rayer berharap para penduduk dapat menjaga sebaiknya kemudahan berkaitan.**

**"Kalau lif rosak, semua penduduk akan mengalami kesukaran dan susah.**

**"Justeru, sama-samalah jaga lif baharu ini demi kesejahteraan semua," seru beliau.**



JAGDEEP Singh Deo (berbaju batik jingga), R.S.N. Rayer (enam dari kanan) dan para penduduk menunjukkan tanda bagus pada Majlis Perasmian Lif Baharu di Blok H, *Greenlane Heights* di sini baru-baru ini.

## 1,995 Pelajar Emas KADUN Air Itam terima insentif



WONG Hon Wai (berkemeja biru) meneliti beberapa dokumen proses sumbangan insentif Program Pelajar Emas di sini baru-baru ini.

**PROGRAM PELAJAR EMAS... Seramai 43,105 pelajar Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 masing-masing menerima sumbangan bernilai RM100 di seluruh negeri Pulau Pinang baru-baru ini menerusi pelaksanaan Program Pelajar Emas hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Harapan.**

Daripada jumlah tersebut, seramai 1,995 pelajar adalah membabitkan kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, Program Pelajar Emas yang diperkenalkan sejak 2012 terus memanfaatkan rakyat khususnya golongan pelajar dan ibu bapa negeri ini.

Menerusi pelaksanaan Program Pelajar Emas, pelajar Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 mendapat sumbangan *one-off* bernilai RM100 setiap seorang.



DR. Afif Bahardin (kiri) menyampaikan dokumen sumbangan kelengkapan peralatan kepada Famizi Hussain untuk kegunaan para pelajar di SK Seberang Jaya 2 di sini baru-baru ini.

## Sumbangan demi keselesaan pelajar

**DEMI KESELESAAN PELAJAR...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini menyampaikan sumbangan beberapa kelengkapan peralatan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Seberang Jaya 2 di sini.

Menurutnya, sumbangan tersebut adalah demi memudahkan para pelajar dan pihak sekolah menjalankan aktiviti dalam keadaan selesa, terutamanya ketika keadaan cuaca tidak menentu kini.

Menerima sumbangan berupa dua set kanopi, meja (20 buah) dan kerusi (80) ialah Yang di-Pertua PIBG SK Seberang Jaya 2, Famizi Hussain.

# Permintaan tenaga kerja masih ada meski ekonomi tidak menentu - MP

**BATU UBAN –** Karnival Kerjaya dan Temuduga Terbuka Ke-3 yang diadakan baru-baru ini menawarkan kira-kira 1,265 peluang kerjaya dalam pelbagai bidang di sektor industri.

Karnival anjuran hasil kerjasama Kerajaan Negeri, Pen Expo Events Sdn. Bhd. (PenExpo) dan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) Pulau Pinang turut mendapat sokongan lebih daripada 20 pemain industri dari pelbagai latar belakang termasuk semikonduktor, elektronik, insurans serta penjagaan kesihatan.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin yang ditemui selepas merasmikan karnival tersebut berkata, pembangunan modal insan yang mahir menjadi tulang belakang terhadap pembangunan ekonomi negeri.

"Pulau Pinang masih memerlukan pekerja untuk memenuhi permintaan industri meskipun keadaan ekonomi dunia kini tidak menentu.

"Situasi ini terbukti apabila karnival yang dianjurkan mendapat sambutan menggalakkan sekaligus menunjukkan bahawa kita (Pulau Pinang) tidak terlalu bergantung kepada tenaga kerja asing dalam sektor industri," katanya yang hadir mewakili Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon pada majlis perasmian karnival di sini baru-baru ini.



PARA pengunjung tidak melepaskan peluang melawati Karnival Kerjaya dan Temuduga Terbuka Ke-3 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah PenExpo, Francis Wong, Bendahari Persatuan SME Pulau Pinang, Leong Yook Kheong dan koordinator acara, Nelson Neoh.

Menurut Tze Tzin, walaupun Pulau Pinang mencatatkan kadar pengangguran terendah dalam negara iaitu 1.5 peratus berbanding kadar nasional 3.3 peratus, namun ia tidak menjejaskan pasaran kerja di negeri ini.

"Pengangguran tetap akan terjadi kerana berlakunya lambakan graduan... tetapi masih ada sektor-sektor tertentu yang berkembang pesat sekaligus mewujudkan permintaan terhadap tenaga kerja, sama ada separa mahir ataupun mahir.

"Selain itu, terdapat juga beberapa pemain industri yang mula mengadakan usahasama dengan beberapa badan korporat untuk mewujudkan peluang kerjaya sekaligus melatih tenaga kerja baru meningkatkan kebolehpasaran mereka," ujar beliau.

## 200 warga emas terima sumbangan keperluan harian

**BANTU...** Seramai 200 warga emas yang merupakan penghuni Pangsapuri Sri Tanjung, Datuk Keramat menerima sumbangan keperluan harian bersempena penganjuran Program Penyampaian Barang Kegunaan Harian baru-baru ini.

Majlis penyampaian sumbangan berkaitan disampaikan Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Jagdeep Singh Deo.

Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan berkata, program tersebut merupakan sumbangan tahunan pihaknya demi membantu golongan memerlukan.

Antara barangan keperluan harian yang disumbangkan adalah beras, gula dan barangan runcit lain.



JAGDEEP Singh Deo (tengah, berkemeja putih) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang warga emas pada Program Penyampaian Barang Kegunaan Harian di Pangsapuri Sri Tanjung di sini baru-baru ini.



MOHD. Rashid Hasnon (barisan belakang, empat dari kanan) dan Azmi Samsudin (barisan belakang, enam dari kiri) bergambar kenangan dengan ahli jawatankuasa dan hadirin yang menyerikan penganjuran Fiesta Tampil Komuniti Peringkat Daerah SPS di sini baru-baru ini.

## Fiesta Tampil Komuniti SPS erat silaturahim

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PPK**

**SUNGAI ACHEH –** Fiesta Tampil Komuniti Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) yang diadakan baru-baru ini adalah bagi menggalakkan semangat kesukanan dan kejiranan dalam kalangan komuniti setempat.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Acheh, Azmi Samsudin berkata, penganjuran fiesta yang julung kali diadakan dengan kerjasama Pejabat Timbalan Ketua Menteri I dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) tersebut antara lain bagi mengetengahkan beberapa jenis sukan, termasuk sukan moden dan sukan rakyat.

"Tujuannya adalah untuk mewujudkan semangat kesukanan dan daya saing antara peserta, selain mengeratkan hubungan silaturahim tanpa mengira perbezaan usia, kaum, agama serta politik.

"Selain mengukuhkan semangat kejiranan, fiesta ini juga mempopularkan semula acara sukan sunnah iaitu memanah," katanya ketika dihubungi Buletin Mutiara baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang turut meluangkan masa mencuba beberapa permainan termasuk memanah.

Memeriahkan penganjuran, pertandingan mewarna, mencanting batik, mengukir buah-buahan, pertandingan mereka cipta menggunakan bahan-bahan kitar semula, pameran, persembahan pentas dan sukaneka yang turut diadakan di Perkarangan Masjid Sungai Acheh, dekat sini.

**Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0**

# Tandas Bersih Pulau Pinang Lestari



Sila isi butiran berikut:

Nama : ....................................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ....................................................

Alamat: ....................................................

....................................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ....................................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ....................................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 Ogos 2016** hingga **1 Oktober 2016.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

Pertama: RM200
Kedua : RM150
Ketiga : RM100
5 Hadiah Saguhati